

## PERTANDINGAN THE DEBATE WARS

14 JUN 2023

Disediakan oleh: Hazlin Ibrahim Khan

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

KAMPUS ALOR GAJAH, MELAKA



Telah berlangsung Program Perasmian Penutup bagi Pertandingan The Debate Wars yang dikendalikan oleh Kelab Bahasa Inggeris, Fakulti Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah dengan kerjasama PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah. Pertandingan The Debate Wars telah dijalankan selama 2 hari bermula, 13 Jun 2023 hingga 14 Jun 2023. Sebanyak 4 kumpulan telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut, terdiri daripada pelajar dari Fakulti Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Cawangan Melaka.

Perasmian penutup telah dijalankan di Ruang Library Community Engagement (LCE), PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah, bermula 12.00 tengah hari hingga 1.00 tengah hari dan dirasmikan oleh Encik Adi Idham Jailani, Pensyarah Kanan, Fakulti Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Melaka.

Program dimulakan dengan ucapan alu-aluan dari Puan Maznah Maarof, Pustakawan Kanan, PTAR UiTM Cawangan Melaka, selaku wakil PTAR, diteruskan dengan ucapan perasmian penutup oleh Encik Adi Ilham Jailani.

Tahniah diucapkan kepada semua pemenang yang berjaya dan semua yang terlibat dalam menjayakan Pertandingan The Debate Wars. PTAR berharap dengan adanya program seperti ini, dapat memberi manfaat kepada semua, khususnya pelajar dalam memupuk minat membaca serta menggalakkan pelajar menceburi pelbagai aktiviti yang telah dianjurkan oleh UiTM.

